

JPS Updates

Edisi Kombo Raya
Jun & Julai



Selamat Hari Raya Aidilfitri 1438h

Warna-warni dan Kemeriahan
Sambutan Raya Warga JPS

Ekspedisi Sumber Air Negara 2017
Menyusuri Sungai Perak

Larian Merentasi Terowong Dwi Fungsi
SMART Tunnel Run 2017



Kandungan

4 Salam Lebaran Daripada Pengurusan Atasan

6 Salam Lebaran Warga Jps

10 Sambutan Hari Raya 1NRE

11 Majlis Perhimpunan Bulanan & Sambutan Hari Raya JPS Malaysia "Warna-warni dan Kemeriah Sambutan Raya Warga JPS"

16 Ekspedisi Sumber Air Negara 2017 "Menyusuri Sungai Perak"

21 SMART TUNNEL RUN 2017

26 Mesyuarat Penyelaras Projek Muara Sg. Limbang

26 Lawatan Kolaborasi Ke Jabatan Kerja Raya Sebagai Usaha Menaiktaraf Sistem ePlan

27 Sesi Penyerahan Watikah Pemangku J52 dan J48

27 Tahniah! Pasukan JPS Malaysia merangkul Tempat Ke-2 Kategori Ministries Challenge

Lawatan YB Timbalan Menteri NRE ke Lokasi Pencemaran Sumber Air Mentah di Simpang Renggam, Johor

Regional Workshop on Building Resilience to Climate Change Risk and Vulnerability to Meet Water Security Challenges.

30 Majlis Pelancaran Perjanjian Weather and Climate Science for Service Partnership (WCSSP)

Taklimat Value Engineering (VE) kepada Fasilitator dan Pegawai-pegawai JPS

31 Sekitar Majlis Makan Malam & Penganugerahan Jurutera Professional Malaysia

Tahniah! Wakil JPS Menerima Anugerah Pembentang Terbaik

32 Mesyuarat JTJPS Bil 3/2017 di Terengganu

33 Transformasi Nasional Pegawai Muda JPS Malaysia

34 Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Bil. 6/2017 : 'Taklimat Hibah Tanpa Faraid'

35 Kerjasama Antara JPS Dan Agensi Luar Melalui Memorandum Persefahaman

36 SUDUT TERAPI MINDA

37 USIK-USIK JPS

DARI TINTA KETUA EDITOR



“Di bulan yang mulia ini adalah peluang keemasan untuk saling bermaaf-maafan sesama kita bagi memupuk silaturahim yang utuh”

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,*

Penghayatan di bulan Ramadhan akan membuatkan kita lebih menghargai bulan yang mulia ini manakala keriangan Aidilfitri sudah pasti memberi kenangan manis kepada kita. Kemanisan Hari Raya Aidilfitri amatlah bermakna kerana ia mengingatkan kita betapa pentingnya hubungan sesama keluarga dan sahabat dalam merasai perasaan gembira dan bersyukur. Justeru, paparan istimewa Buletin JPS Updates kali ini menggabungkan aktiviti - aktiviti yang dijalankan sepanjang 2 bulan dan akan mengupas lanjut Kemeriahian Sambutan Hari Raya peringkat Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) malah turut menghidangkan maklumat-maklumat lain khas untuk pembaca semua.

Ekspedisi Sumber Air Negara yang bermula di Dataran Sayong Kuala Kangsar melibatkan pelepasan Kembara Berbasikal dan Kembara Bot amat menarik dikongsi dalam Buletin JPS kali ini. Program Smart Tunnel Run pula merupakan penganjuran kali ke-2 dimana julung kali telah diadakan pada tahun 2007 yang lalu. Acara ini begitu istimewa kerana ia turut meraikan sambutan ulang tahun ke – 85 penubuhan JPS Malaysia dan ulangtahun ke – 10 pengoperasian Terowong SMART. Seperti kebiasaan juga, pelbagai aktiviti penting Jabatan turut dirakamkan sepanjang bulan Jun dan Julai untuk sebaran dalaman dan perkongsian bersama agensi awam yang lain serta media prima.

Dalam kesempatan ini juga, saya mewakili sidang redaksi dengan penuh rasa rendah diri menyusun jari nan sepuluh memohon ampun maaf zahir dan batin atas segala kesalahan dan apa jua kekhilafan. Kian berlabuh tirai Ramadhan, lambaiyan Syawal kian dinanti. Marilah kita bersama - sama meluhurkan hati memohon kemaafan sesama kita supaya silaturahim yang lebih utuh dapat dijalin.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Dato’ Ir. Haji Mohd Azmi Bin Ismail

SIDANG REDAKSI JPS UPDATES

Penasihat

Dato’ Sri Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan

Penyelaras

Ir. Hj. Abdullah bin Isnin

Ketua Editor

Dato’ Ir. Hj. Mohd Azmi bin Ismail

Editor

Ir. Wan Hasitinaziah bt Mohd Hassan

Penolong Editor


Sarah bt Hj. Ismail
Mohammad Hakim bin Hasnul
Suriani bt Hassan
Thayalam A/L Sekaran
Nur Affah Amalin bt Mohd Ladin

Pereka Grafik

Adiwaz bin Roslan
Muhammad Hafiz bin Khairon



SALAM LEBARAN DARIPADA PENGURUSAN ATASAN



**YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkifli Bin Hassan
Ketua Pengarah JPS Malaysia**

“Sambutan Hari Raya ini amatlah bermakna kepada semua umat Islam malahan tidak dilupakan bagi yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana, ia merupakan peluang untuk rakyat kita yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat bersama-sama berkongsi keceriaannya. Kadang kala melalui perayaan seperti ini lah kita dapat mengenali dan berjumpa dengan saudara mara yang sudah lama kita tidak bersua muka. Pelbagai perkongsian cerita yang pastinya akan membuatkan kita tidak jemu mendengarnya. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan agar saat kita berlebih, ingatlah mereka yang dalam kekurangan. Saat kita gembira, ingatlah mereka yang berduka dan menderita. Dalam ketulusan hati marilah kita sebarkan senyuman dan saling memaafkan sebagai bukti syukur kita kepadaNya”.

*“Ramadhan Bakal Berlalu Pergi
Syawal Menjelma di Aidilfitri
Seikhlas Hati Menysun Jari
Memohon Dimaaf Kekhilafan Diri
Salam Aidilfitri, Maaf Zahir Batin”*

“Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai kemenangan bagi mereka mengerjakan ibadat puasa Ramadan dengan sempurna. Kemenangan ini bukan saja kita menang kerana berjaya mengawal nafsu makan dan minum selama sebulan pada siang hari di bulan Ramadan, tetapi kemenangan menghalang diri daripada melakukan apa jua perkara yang dilarang.

Namun begitu disebalik kegembiraan ini, saya juga merasa sedih kerana saya akan bersara tidak lama lagi. Ini bermakna Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri ini merupakan kali yang terakhir saya dapat merayakannya bersama-sama warga JPS yang saya kasih.

Setiap permulaan akan ada pengakhirannya. Setiap pertemuan pasti ada perpisahannya. Yang pastinya, setiap perpisahan pasti menyedihkan. Apabila mengenang kembali saat - saat ketika

bersama, pasti ia akan menjadi detik kenangan paling manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang perkhidmatan saya di JPS.

Di Aidilfitri inilah kesempatan terbaik sekali untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu dan bahagian. Sekian dari saya dan terimahal dedikasi Aidilfitri terakhir dari seorang KP ;

*“Tangan dihulur maaf dipinta,
Erat hubungan sesama kita,
Semoga gembira di bulan yang mulia ini,
Salah dan silap harap dimaafi,
Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Maaf Zahir dan Batin”*



**YBhg. Dato' Ir. Dr. Haji Md. Nasir Bin Md. Noh
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)
JPS Malaysia**



“Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga Jabatan Pengairan dan Saliran, semua kenalan saya dan juga mereka yang mengenali saya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memohon ampun dan maaf sekiranya terkasar bahasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dan tempoh kita berurusan, ampun maaf zahir & batin. Semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri kita pada tahun ini dan tahun seterusnya memberikan seribu makna. Akhir kata, semoga kita bertemu lagi dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua, Maaf Zahir & Batin”

*“Kian berlabuh tirai Ramadhan,
Lambaian Syawal kian dinanti,
Luhur hati ikhlas kemaafan,
Semoga kesalahan dimaafi,
SELAMAT HARI RAYA.
Maaf Zahir dan Batin.”*



**YBhg. Ir. Haji Ab. Qahar Bin Osman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)
JPS Malaysia**



**YBhg. Ir. Haji Abdullah Bin Isnin
Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)
JPS Malaysia**

Kehadiran Aidilfitri sesungguhnya menjanjikan suatu limpahan nikmat yang besar dan harus disyukuri oleh umat Islam. Sejujurnya saya turut merasai akan kesedihan meninggalkan bulan Ramadhan namun kegembiraan tetap terpancar bila hadirnya bulan Syawal. Justeru itu, marilah kita bersama-sama memohon kemaafan di atas segala kesilapan dan kekhilafan, samada yang sengaja atau tidak sengaja di atas segala perbuatan atau tutur kata yang menyakiti hati kerana kita adalah manusia yang tidak lepas dari melakukan kesilapan dan serba kekurangan. Semoga dengan tautan hati antara kita, semua rintangan dan cabaran dapat kita hadapi bersama.

*“Andai jarak tak kuasa berjabat,
setidaknya kata masih dapat terungkap,
Untuk setiap tutur yang khilaf,
Untuk setiap perangai yang berbekas,
SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI.
Maaf Zahir dan Batin.”*

SALAM LEBARAN WARGA JPS

Bahagian Rekabentuk dan Empangan

“ Sabar adalah harta yang paling berharga. Amalan menjadi teman yang paling setia saat ikhlas menjadi ibadah terindah. Mohon maaf atas segala salah dan silap. Semoga di hari Aidilfitri ini kita sentiasa mendapat limpahan anugerah dariNya dalam menjalani kehidupan yang penuh barakah.”



“ Ramadhan telah kita tinggalkan, hampir menjelma syawal mulia. Aidilfitri berbahang gembira, di sambut dengan rasa suka. Di kesempatan ini kami ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin dari *Bahagian Audit Prestasi*.”



Bahagian Korporat

Tangan dihulur maaf dipinta,
Erat hubungan sesama kita,
Semoga gembira di hari yang mulia ini,
Salah dan Silap harap dimaafkan,
Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin.



“Sebuah perjalanan hidup, yang telah terjadi tidak mungkin terulang semua yang terucap pasti berbekas hanya doaku.. Semoga setiap kesalahan yang ku lakukan diampuni olehNya dengan ingatan tulus ikhlas dari *Unit Integriti*”



SALAM LEBARAN WARGA JPS

Bahagian Pembangunan Modal Insan

“ Mohon Ampun & Maaf di Atas Segalanya. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Moga silaturahim diberkati Allah.”



Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal KL

“ Selamat Hari Raya Aidilfitri, Dengan Ingatan Tulus Ikhlas, Maaf Zahir dan Batin.”



Bahagian Pengurusan Maklumat

“ Jika hati sejahtera, jangan biarkan ia keruh,
Jika hati seputih awan, jangan biar ia mendung,
Jika hati seindah bulan, hiasi dengan iman dan
taqwa, Jika hati tersentuh oleh salah dan silapku .
Mohon diberi kemaafan. Salam Aidilfitri”.



Bahagian Khidmat Pengurusan

Yang jauh itu Waktu
Yang dekat itu Mati
Yang besar itu Nafsu
Yang berat itu Amanah
Yang mudah itu berbuat dosa
Yang panjang itu amal soleh
Yang indah itu saling memaafkan
Salam Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin



Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai

“ Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,
Dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata,
Dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan
dosa, Ampun dan maaf atas segalanya, Selamat
Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin”.



Majlis Perhimpunan Bulanan & Sambutan Hari Raya 1 NRE



Oleh: Bahagian Korporat





Majlis Perhimpunan Bulanan & Sambutan Hari Raya

JPS Malaysia

Oleh: Bahagian Korporat

Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPS 2017 dihadiri bersama YB Menteri dan YB Timb. Menteri NRE pada 24 Julai 2017.



DARI SETIAP BAHAGIAN



Pemenang Kategori Melayu Tradisional - BKOR




Pemenang Kategori 60/70/80 an - BPM





Kemeriahian Sambutan Raya





Integrity Corner

Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti

Elakkan membuat keputusan terhadap orang yang ada kepentingan peribadi

[Peraturan 4(2)(b) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993]



Sebarang pertanyaan, aduan atau maklumat boleh disalurkan kepada:

UNIT INTEGRITI JPS

Tel : 03-2615 1793 / 1794

Emel: uijps@water.gov.my



20 - 24 Julai 2017

Lenggong - Empangan Temenggor
Hutan Royal Belum - Tasik Banding - Pulau Tali Kail
Kuala Kangsar - Lembaga Air Perak
Pusat Konservasi Tuntung - Kompleks Sejarah Pasir Salak

120 Peserta Ekspedisi

13 Bot Laju

170km Perjalanan Sungai



Ikuti Laman Facebook Ekspedisi
[facebook.com/xpdcsumberairnegara](https://www.facebook.com/xpdcsumberairnegara)

Pada 20 hingga 24 Julai yang lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran telah julung kali menganjurkan Ekspedisi Sumber Air Negara. Program ini dijalankan di lembangan Sungai Perak dengan kerjasama dari JPS Negeri Perak, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Menteri Besar Incorporated (MB Inc. Perak).

Ekspedisi Sumber Air Sungai Perak bertujuan untuk memberi pendedahan akan kepentingan pengurusan sumber air, ekosistem akuatik dan alam sekitar. Selain itu, program ini juga menyediakan platform dan ruang penyelidikan kepada rakan-rakan penyelidik. Penganjuran program ini juga secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan sesama pihak, selain usaha turun padang bersama untuk menajamkan minda dan koleksi maklumat yang berharga untuk memelihara sumber air negara.

Ekspedisi Sungai Perak yang dijalankan selama 4 hari 3 malam ini disertai oleh pihak media, penyelidik, NGO dan Sekretariat Unesco International Hydrological Programme (IHP)/JPS Malaysia. Pada 20 Julai 2017, para peserta telah berkumpul dan diberi taklimat berkenaan keselamatan sepanjang ekspedisi daripada pegawai bomba, dan juga menjalankan aktiviti suai kenal di Institut Pembangunan Modal Insan Zon Utara, Ipoh Perak.

"Program Ekspedisi sebegini akan diteruskan ke lembangan sungai yang lain pada masa akan datang"

-Dato' Sri Ir Zulkefli Hassan, KP JPS Malaysia



"Tujuan utama program ekspedisi ini ialah melihat isu kepelbagaiannya penggunaan sumber air di Sungai Perak"

-Hj Juhaime Jusoh, PPSN Perak



"Keunikan Sungai Perak ialah ianya mempunyai kedalaman dasar sungai yang berubah-ubah akibat arus dan mendapan"

-Prof Dr. Ismail Abustan, Penyelidik USM



"Sungai Perak bukan sahaja kaya dengan keindahan alam semula jadinya tetapi juga tinggalan warisan sejarah dan ketamadunan yang masih boleh dilihat di sepanjang sungai ini"

-Kurnia Kamaruddin, media BERNAMA



Perjalanan dimulakan pada 21 Julai seawal jam 7.00 pagi dari IPMI Utara dengan dua buah bas yang membawa peserta menuju ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong di mana para peserta melawat Perak Man, rangka manusia yang berusia 2 juta tahun.

Kemudian perjalanan diteruskan ke Tasik Bersia di mana para peserta diberi taklimat tentang stesen-stesen janakuasa elektrik yang menggunakan sumber hidro Sungai Perak untuk menjana elektrik. Terdapat 7 buah stesen janakuasa elektrik di sepanjang Sungai Perak. Di kesempatan ini juga para peserta dibawa melihat pintu air di Empangan Bersia tersebut.



Menyusuri Sungai Perak

Kembara Ekspedisi di Tasik Banding, Hutan Royal Belum Perak

Selaras sesi lawatan di Empangan Bersia itu, para peserta meneruskan perjalanan menuju ke Jeti Royal Belum yang terletak di Hutan Simpan Royal Belum, hutan yang berusia 130 juta tahun dan merupakan hutan hujan tertua di dunia. Di sini terdapat Tasik Temenggor yang merupakan tasik buatan terbesar di Asia Tenggara dan kawasan tадahan hujan terbesar di Malaysia.

Dari Jeti Royal Belum, sebanyak 10 buah bot daripada JPS Perak dan 3 buah bot dari Jabatan Bomba dan Penyelamat membawa para peserta meneruskan perjalanan menyusuri Tasik Temenggor menuju ke persinggahan yang pertama yang terletak di utara Tasik Temenggor. Di situ para peserta dibawa melawat ke tapak bunga Pakma (*Rafflesia*). Kemudian perjalanan diteruskan ke Pulau Tali Kail, pulau milik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang akan menjadi destinasi penginapan bagi para peserta ekspedisi. Program di Pulau Tali Kail diteruskan dengan taklimat dan ceramah sumber air yang disampaikan oleh Professor Ismail Abustan dari Universiti Sains Malaysia dan Dr Hezry Adnan dari *Institute of Strategic and International Studies* Malaysia.



Hari kedua ekspedisi diteruskan dengan melawat ke Sira Gajah, tempat di mana binatang-binatang liar terutamanya gajah mendapatkan garam galian untuk keperluan tubuh mereka. Bagi para peserta yang baru pertama kali melihat sira gajah ini, tempat ini lebih merupakan 'tandas gajah'. Selepas melawat tapak berkenaan para peserta meneruskan perjalanan ke Jeti Royal Belum bagi meneruskan ekspedisi ke Kuala Kangsar pula.



Setibanya di Kuala Kangsar, para peserta menyertai Ketua Pengarah JPS Malaysia Dato' Sri Ir Zulkefli Bin Hassan melawat Memorial Sultan Azlan Shah. Selepas lawatan tersebut para peserta diraikan dengan majlis makan malam dan jamuan hari raya JPS Perak di Resort Kuala Kangsar.





Pelepasan Ekspedisi Kembara Bot dan Basikal Oleh Datin Mastura Mohd Yazid di Dataran Sayong Kuala Kangsar



Hari ketiga ekspedisi merupakan hari kemuncak Ekspedisi Sumber Air Negara ini. Para peserta berkumpul di Dataran Sayong Kuala Kangsar seawal jam 7.00pagi dan dimulakan dengan aktiviti senaman dan seterusnya diteruskan dengan pelepasan kembara berbasikal dan kembara bot yang dilancarkan oleh Ahli Parlimen Kuala Kangsar Datin Mastura Binti Mohd Yazid. Pelancaran ekspedisi ini juga dihadiri oleh Ketua Pengarah (KP) JPS Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah (TKP) Sektor Bisnes, Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri (PPSN) Perak, Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi(BPSAH) dan Pegawai-Pegawai Kanan JPS.

Kembara bot yang bermula di Dataran Sayong Kuala Kangsar telah diketuai oleh bot yang dinaiki oleh KP JPS Malaysia, PPSN Perak dan Pengarah BPSAH. Perjalanan bot ini dijadual akan merentasi sepanjang 140km ke hilir Sungai Perak.

Persinggahan pertama kembara bot ini ialah Makam Sultan Perak keempat, Almarhum Sultan Tajul Ariffin yang terletak di atas sebuah pulau di tengah-tengah Sungai Perak yang dinamakan Pulau Semat, dekat pekan kecil Manong.

Kemudian perjalanan diteruskan ke Loji Rawatan Air, Lembaga Air Perak di Bota Perak. Disini para peserta diberi pendedahan dan berpeluang melawat secara dekat cara air sungai dirawat untuk kegunaan harian.

Kemudian, para peserta dibawa melawat pusat konservasi Tuntung di Bota Kanan yang terletak berhampiran dengan Loji Rawatan Air tersebut. Disini para peserta dapat mengetahui sejarah pembiakan tuntung di Sungai Perak.

Selesai kedua-dua lawatan itu, para peserta meneruskan perjalanan ke hilir sungai yang merupakan destinasi terakhir iaitu Kompleks Sejarah Pasir Salak. Disini para peserta diberi peluang melawat Terowong Sejarah Pasir Salak.



Di sini juga majlis penutupan ekspedisi ini dijalankan dan disempurnakan oleh PPSN Perak dan Pengarah BPSAH. Pihak Jabatan mengucapkan ribuan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya dari Jabatan Bomba dan Penyelamat atas khidmat bakti mereka sepanjang ekspedisi ini dijalankan. Majlis tamat pada tepat jam 5.00 petang dan semua peserta bersurai dan menuju ke destinasi masing-masing.



Makam Pulau Semat, Manong



Loji Rawatan Air, Kg Senin, Bota



Pusat Konservasi Tuntung, Bota Kanan



Destinasi Akhir Ekspedisi, Pasir Salak Resort



Ikuti Laman Facebook Ekspedisi
facebook.com/xpdcsumberairnegara

Petunjuk Ekspedisi

- Perhentian / Lawatan
- Penginapan
- Ekspedisi Bot Mula / Tamat
- Perhentian / Lawatan
- Laluan Air
- Laluan Darat



Celebrating 85th Anniversary
Department of Irrigation and Drainage Malaysia
1932 - 2017

RUNNING THROUGH
THE WORLD'S FIRST
DUAL-PURPOSE
TUNNEL

*“Larian Merentasi Terowong
Dwi-Fungsi Terkemuka di
Dunia, SMART Tunnel”*



LARIAN DI DALAM TEROWONG TERKEMUKA DUNIA



YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar membuat pelepasan peserta larian

Oleh: Bahagian Korporat

Program SMART Tunnel Run 2017 ialah sebuah program larian sepanjang 12km merentasi Terowong dwi-fungsi terkemuka negara iaitu SMART Tunnel. Program larian ini telah diadakan seawal jam 6.00 pagi pada 30 Julai 2017 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Program ini dianjurkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dengan sokongan Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn Bhd (SMART) dan sokongan teknikal daripada Federal Territory Kuala Lumpur Athletic Association (FTKLAA).

Penganjuran SMART Tunnel Run 2017 ini merupakan penganjuran kali ke-2 di mana acara yang pertama diadakan pada Mac 2007 yang lalu. Ia bertujuan untuk meraikan sambutan ulang tahun ke-85 penubuhan JPS Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Parit dan Tali Air pada 1932 dan bersempena dengan ulangtahun ke-10 Pengoperasian Terowong SMART.

Program ini juga diharapkan dapat memupuk amalan gaya hidup sihat dan cergas di kalangan rakyat Malaysia melalui penglibatan acara larian sejauh 12 kilometer.

Seramai 1555 peserta telah memeriahkan acara ini pada hari tersebut dan penyertaan dari warga JPS adalah seramai 245 peserta. Acara ini juga disertai oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Pengarah Korporat dengan menamatkan larian sepanjang 12km.

Kemeriahan acara ini turut dikongsi bersama tetamu-tetamu kehormat yang hadir. Antaranya ialah:

- Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Bin Tunku Jaafar
- Timbalan Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar, YB Datuk Ir. Hj Hamim Bin Samuri,
- Pengarah Urusan Ekovest Sdn. Bhd., Datuk Seri Lim Keng Cheng
- Timbalan Ketua Setiausaha Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Hj Suhaimi Bin Hj Mamat,
- Mantan Ketua Pengarah JPS, Dato' Paduka Ir. Dr. Keizrul Abdullah
- Pengarah Eksekutif Berjaya Corporation, Dato' Sri Azlan Meah Bin Hj Ahmed Meah
- Pengurusan Atasan JPS Malaysia, Pengarah-pengarah Bahagian dan Negeri JPS.

Acara telah berlangsung dengan lancar dan jayanya dan tamat pada jam 11.00pagi.



KESELURUHAN

1339 / 1555 PESERTA **86%**

BERJAYA MENAMATKAN LARIAN 12KM

KATEGORI JPS

208 / 245 STAFF JPS **85%** **BERJAYA MENAMATKAN LARIAN 12KM**







Tahniah dan Syabas kepada Semua Pemenang dan Para Peserta yang telah menamatkan 12 km SMART Tunnel Run 2017



Mesyuarat Penyelarasan Projek Muara Sg. Limbang Dan Persempadan Antarabangsa Di Antara Malaysia Dan Negara Brunei Darussalam Serta Lawatan Kerja Ke Projek RTB Limbang Dan Muara Sg Limbang

Oleh: Rubiatun Adawiah binti Ali, Bahagian Korporat

Sesi Mesyuarat pada 14 hingga 15 Julai 2017 yang telah dipengerusikan oleh Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar ini turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Korporat dan Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan perkara berkaitan kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang, Bahagian Limbang, Sarawak yang sedang dalam proses penilaian tender dan isu berkaitan persempadan di antara Malaysia dan Negara Brunei.

Maklumat Tambahan

“Exchange of Letters” berkenaan koordinat sempadan antara Malaysia-Brunei telah dimuktamadkan pada tahun 2009”



Pihak JPS Sarawak sedang membentangkan berkenaan projek pengorekan Muara Sungai Limbang



Lawatan ke Muara Sungai Limbang, Sempadan Limbang dan Negara Brunei

Lawatan Kolaborasi ke Jabatan Kerja Raya sebagai usaha menaiktaraf sistem ePLAN

Oleh: Ir. Devi a/p Peechmani, Bahagian Reka Bentuk Dan Empangan

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh jabatan bagi memantapkan pengurusan lukisan/pelan kejuruteraan sesuai dengan hasrat pihak BRE untuk menaiktaraf sistem ePLAN yang telah dibangunkan pada tahun 2003, satu lawatan kolaborasi telah diadakan ke Bahagian Perunding Pengurusan Aset, JKR pada 19 Jun 2017.

Amalan pengurusan terbaik iaitu Pusat Sehenti Lukisan Siap Bina (LSB) dalam Sistem eCOMs (Engineering Content Management System) yang digunakan oleh JKR bagi menguruskan semua lukisan siap bina (As-built drawing) untuk semua projek-projek JKR dan juga projek yang diserahkan kepada JKR untuk penyelenggaraan.

Lawatan ini telah diketuai oleh Ir. Hj. Ilias b. Mamat (Pengarah BRE), bersama warga BRE dan wakil-wakil bahagian. Semoga ilmu yang didapati akan dikongsi kepada warga JPS seterusnya memberi manfaat kepada Jabatan.



Taklimat oleh Pihak JKR





Sesi Penyerahan Watikah Pemangkuan J52 dan J48



Sesi Penyerahan Watikah Pemangkuan J52 dan J48

Oleh : Bahagian Korporat

Sesi penyampaian Pemangkuan ke Gred J52 dan J48 telah disampaikan oleh Ketua Pengarah JPS pada 15 Jun 2017. Tahniah diucapkan kepada penerima.

Tahniah! Pasukan JPS Malaysia merangkul Tempat ke-2 Kategori Ministries Challenge

Oleh : Bahagian Korporat

Tahniah diucapkan kepada Pasukan JPS Malaysia diatas kejayaan merangkul tempat ke-2 kategori Ministries Challenge dalam acara Standard Chartered KL Marathon yang telah diadakan pada 21 Mei 2017. Hadiah kemenangan berupa piala dan pingat telah disampaikan di Majlis Berbuka Puasa Standard Chartered KL Marathon pada 20 Jun 2017 bertempat di Pacific Regency Hotel Suites, Kuala Lumpur.

“Tahniah dan Syabas kepada Pasukan JPS Malaysia”





Integrity Corner

Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti

Elakkan membuat keputusan terhadap orang yang ada kepentingan peribadi

[Peraturan 4(2)(b) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993]



Sebarang pertanyaan, aduan atau maklumat boleh disalurkan kepada:

UNIT INTEGRITI JPS

Tel : 03-2615 1793 / 1794

Emel: uijps@water.gov.my

Lawatan YB Timbalan Menteri NRE ke Lokasi Pencemaran Sumber Air Mentah di Simpang Renggam, Johor

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 4 Julai 2017 telah diadakan lawatan ke lokasi Pencemaran Sumber Air Mentah di Simpang Renggam, Johor oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri.



Sesi Ujian Kualiti Air

Pada hari yang sama juga, YB Timbalan Menteri NRE turut melawat Loji Rawatan Air di Simpang Renggam, Johor. Sesi ujian kualiti air telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di Sungai Ulu Benut, Johor.

Lawatan ke Empangan Machap

YB Timbalan Menteri NRE meneruskan lawatan ke Empangan Machap, Johor selepas lawatan beliau dari Simpang Renggam. Empangan Machap berfungsi sebagai tebakan banjir dan juga membekalkan sumber air kepada penduduk di sekitar Simpang Renggam, Kluang dan Pontian.



Regional Workshop On Building Resilience To Climate Change Risk And Vulnerability To Meet Water Security Challenges

Oleh : Nor Azlinda binti Saad, Humid Tropics Centre Kuala Lumpur (HTC KL)



Majlis Pelancaran Perjanjian Weather And Climate Science For Service Partnership (WCSSP)

Oleh : Nor Azlinda binti Saad, Humid Tropics Centre Kuala Lumpur (HTC KL)

High Level Planning Meeting antara Kerajaan Malaysia dengan MetOffice UK telah diadakan pada tahun 2016 bagi membincangkan peluang kerjasama antara Malaysia dan UK melalui projek WCSSP. Antara skop projek adalah untuk mengenalpasti kepakaran tempatan bagi membangunkan perkongsian program penyelidikan mengenai cuaca ekstrem yang berlaku di Asia Tenggara, meningkatkan ketepatan dan kebolehcapaian model cuaca dan iklim serantau dan antarabangsa serta membangunkan sistem amaran cuaca berimpak tinggi.

Projek "Improved Prediction of Extreme, Climate (Including Climate Change Projection) and Flood Events in Malaysia" bersama Met Office UK ini diterajui oleh NADMA dengan kolabragasi daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) dan dilaksanakan di bawah Newton Ungku Omar Fund (NUOF).

Dalam rangka Fasa 8 International Hydrological Programme (IHP)-VIII "Keselamatan Air : Maklum balas kepada cabaran tempatan, serantau dan global, maka satu bengkel bertajuk "Regional Workshop on Building Resilience to Climate Change Risk and Vulnerability to Meet Water Security Challenges" telah diadakan pada 10 dan 11 Julai 2017 bagi membolehkan pakar-pakar yang bekerja di dalam bidang air untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan serta amalan terbaik untuk peningkatan keselamatan air di Asia. Bengkel ini dianjurkan bersama oleh UNESCO (IHP) dan Biro Sains Serantau UNESCO Jakarta untuk Asia Dan Pasifik sebagai sebahagian daripada projek "Addressing Water Security: Climate Impacts and Adaptation Responses in Africa, Asia and Latin America and Caribbean" dan "Upscaling Water Security to Meet Local, Regional, and Global Challenges".

Objektif keseluruhan bengkel ini adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang perubahan iklim dan kesan terhadap sumber air dan bencana yang berkaitan dengan air. Pendekatan dalam IWRM untuk keselamatan air adalah dengan mengukuhkan kerjasama serantau. Bengkel ini berkongsi amalan terbaik mengenai pengurusan risiko iklim melalui pembelajaran kajian kes, termasuklah pengurangan risiko bencana dan penilaian kelemahan iklim di Asia dan rantau Pasifik, serta meningkatkan dialog dasar sains dan cadangan untuk keselamatan air yang lebih baik di negara-negara Asia dan rantau Pasifik. Bengkel yang telah dirasmikan oleh Prof. Shahbaz Khan, Director of UNESCO Jakarta ini turut dihadiri oleh Dr. Olivia Castillo, Member of the UNSGAB, Chairperson Sustainable Development Solutions for Asia and the Pacific, Philippines sementara pegawai JPS yang hadir adalah Dato' Ir. Hj Nor Hisham bin Mohd. Ghazali, Pengarah BPSAH dan Datin Sri Ir. Rohani binti Ahmad, Pengarah HTC KL.

Perjanjian kolabragasi untuk projek ini telah disediakan dan ditandatangani oleh pihak MetOffice UK dan Malaysia Industry-Government Group for High Technology (MiGHT). Majlis pelancaran dan pertukaran dokumen perjanjian diadakan pada 25 Julai 2017 di Auditorium, Pejabat Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT), Cyberjaya telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah NADMA, YBhg. Dato' Abd. Rashid Harun dan wakil daripada MetOffice UK iaitu Prof. Simon Vosper diadakan bersekali dengan Program Hari Terbuka Newton-Ungku Omar Fund. Majlis turut dihadiri oleh Prof. Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia dan Pn. Victoria Marguerite Treadell CMG MVO, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia.



Taklimat Value Engineering (VE) kepada Fasilitator dan Pegawai-pegawai JPS

Oleh: Bahagian Korporat



Taklimat Value Engineering (VE) yang dihadiri oleh fasilitator dan pegawai-pegawai JPS selama 3 hari bermula pada 4 Julai 2017 hingga 6 Julai 2017 di Dewan Auditorium, JPS Ampang.



Sekitar Majlis Makan Malam & Penganugerahan Jurutera Professional Malaysia

Oleh: Bahagian Korporat

Majlis Makan Malam & Penganugerahan Jurutera Professional Malaysia pada 17 Julai 2017 di Auditorium JPS Ampang yang telah dihadiri oleh Dato' Sri Ir. Hj. Zulkeflie bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, wakil daripada pihak IEM, Jawatankuasa Tertinggi JPS Malaysia serta penerima-penerima Anugerah Jurutera Professional . TAHNIAH!



79th Executive Development Program For Junior Malaysia Government Official

Oleh: Bahagian Pengurusan Maklumat

Wakil daripada JPS iaitu En. Nazli bin Mohd Khairuddin (BPM) dan En. Hafizul Aimme bin Che Hamid (BRE) bersama ahli kumpulannya telah dianugerahkan pembentang terbaik dalam persembahan berkaitan Big Data di 79th Executive Development Program for Junior Malaysia Government Official. Di antara topik lain yang dipersembahkan dalam kursus ini adalah berkaitan Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IoT) dan Virtual Reality (VR). Kursus pada tahun ini adalah bertemakan Digital Economics dan Industrial Revolution 4.0. Cenderamata penghargaan telah disampaikan oleh Dr Park Jin yang merupakan seorang Professor dari KDI School, South Korea yang juga merupakan penilai pembentangan ini.

“Tahniah
dan
Syabas
diucapkan”





Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JTJPS) Bil. 3/2017

Oleh : Bahagian Korporat

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JTJPS) Bil.3 2017 dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkifli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu pada 20-21 Julai 2017.

Mesyuarat JTJPS ini merupakan mesyuarat terakhir dipengerusikan oleh Dato' Sri Ir. Haji Zulkifli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS. Di dalam mesyuarat JTJPS kali ini juga JPS Terengganu berbesar hati mengadakan majlis makan malam perpisahan ahli-ahli JTJPS yang bakal bersara di antaranya TKP Sektor Pakar, PPSN Kelantan, PPSN Terengganu, Pengarah BPSP dan Pengarah BPB. Selain daripada menghadiri mesyuarat, ahli-ahli JTJPS juga telah dibawa melawat Projek Menahan Hakisan Pantai Tok Jembal



Lawatan kerja Pengurusan Tertinggi JPS dan Pegawai - Pegawai Kanan JPS ke Tapak Projek Pemuliharaan Pantai Tok Jembal Fasa 2 , Kuala Terengganu.



Projek Pemuliharaan Pantai Tok Jembal Fasa 2 ini adalah projek bagi memelihara muara Pantai Tok Jembal dan mencegah hakisan.

Transformasi Nasional Pegawai Muda JPS Malaysia

bersama

*YBhg. Datō' Sri Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan
Ketua Pengarah JPS Malaysia*



Program Transformasi Nasional 2050 Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah diadakan pada 27 Julai 2017 bertempat di Dewan Auditorium Tun Ahmad Sarji, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Program ini diinspirasikan oleh YBhg. Datō' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS khususnya kepada Jurutera muda di JPS Malaysia. Moderator bagi program ini adalah Dato' Ir. Haji Mohd Azmi Bin Ismail, Pengarah Korporat JPS Malaysia.



Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Bil. 6/2017: Taklimat Hibah Tanpa Faraid

Oleh: Sayed Yazid bin Sayed Jamaluddin Safri, Bahagian Pembangunan Modal Insan

Umumnya, majoriti umat Islam di Malaysia tidak memahami serta memperhalusi perbezaan antara wasiat dan hibah selepas berlakunya kematian. Pelbagai masalah akan timbul terutamanya sekiranya si mati dalam situasi berikut:-

- Tiada anak
- Mempunyai anak lelaki dan perempuan
- Lelaki dan perempuan
- Mempunyai anak perempuan sahaja
- Mempunyai anak angkat
- Tidak/ Belum berkahwin
- Berpoligami
- Golongan Muallaf
- Mempunyai saham syarikat
- Memiliki harta bersama (Joint nae)
- Mempunyai hajat sendiri untuk mengagihkan harta

Kurangnya kesedaran mengenai kepentingan perancangan wasiat adalah antara faktor utama menyebabkan aset umat Islam tidak dituntut dan dibekukan di negara ini hamper bernilai RM60 bilion. Hasil kajian ilmiah yang dijalankan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mendapati bahawa masalah ini berpunca daripada beberapa faktor termasuk kejahanilan waris mengenai prosedur perlu dipatuhi, sikap waris yang tidak menghiraukan aspek wasiat, bayaran kos pengurusan yang tinggi serta proses birokrasi turut menyumbang kepada isu ini.

Berikutan itu, Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), JPS Malaysia mengambil peluang ini untuk berkongsi ilmu mengenai isu berkaitan dengan menganjurkan Taklimat “Hibah Tanpa Faraid” di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat 2017 khususnya bagi warga kerja JPS pada 31 Julai 2017 (Isnin) lalu di Dewan Dahlia, JPS Ampang. Majlis dimulakan jam 10.00 pagi dengan kehadiran Pengerusi PUSPANITA JPS Malaysia iaitu Datin Sri Norliza binti Zakaria, Pengarah BPMI iaitu Hjh. Paridah Anun binti Tahir serta beberapa orang pegawai kanan dan wargakerja JPS ke taklimat ini. Majlis berakhir pada jam 12.30 tengahari.

FAKTA

- *Hibah bermaksud pemberian yang dilakukan oleh seseorang kepada pihak lain ketika masih hidup dan pelaksanaan pembahagiannya dilakukan pada waktu penghibah masih hidup juga.*
- *Secara terperincinya, hibah bermaksud anugerah, pemberian atau hadiah yang melibatkan suatu akad yang mengandungi pemberian hakmilik oleh pemilik harta kepada seseorang secara rela hati semasa hayatnya atas dasar kasih sayang dan kemanusiaan tanpa mengharapkan balasan atau tukaran. Dari segi istilah, hibah adalah berbeza dengan pemberian hadiah.*



Program Ketua Pengarah Bersama Pesara Bulan April Hingga September 2017

Oleh : Narizan binti A. Razak, Bahagian Khidmat Pengurusan

Majlis Ramah Mesra di antara YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah bersama pesara dan bakal pesara merupakan program secara bersiri yang diadakan sebagai suatu penghargaan oleh Pengurusan Tertinggi kepada pesara dan bakal pesara atas khidmat bakti yang telah diberikan kepada Kerajaan. Seramai 9 orang pesara telah hadir di sesi ramah mesra pada kali ini yang terdiri daripada 14 orang pesara yang telah dijemput. Melalui sesi ramah mesra ini, semua pesara yang terlibat berpeluang untuk bertemu muka dan mengenali Ybhg. Dato' Sri Ketua Pengarah secara lebih dekat melalui perbincangan secara terbuka. Semua pesara dan bakal pesara yang hadir turut menerima sijil penghargaan dan Sijil Simpanan Premium BSN berjumlah RM400.00.



SUDUT MAKLUMAT

Kolaborasi Jabatan Pengairan & Saliran, Malaysia (JPS) dan agensi luar merangkumi pelbagai skop yang melibatkan Bahagian Saliran Mesra Alam, Bahagian Pengurusan Zon Pantai, Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Humid Tropic Centre, Bahagian Ukur Bahan Pengurusan Kontrak, Bahagian Rekabentuk dan Empangan dan Bahagian Pengurusan Banjir.

Terkini, pembaharuan MoU antara JPS dan UNITEN telah ditandatangani pada 29 Mei 2017 untuk tempoh lima tahun dalam bidang kerjasama akademik dan penyelidikan. Dalam masa yang sama pihak Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) telah mengemukakan cadangan kolaborasi yang boleh dijalankan dalam bidang kejuruteraan sebelum perjanjian persefahaman dapat dimeterai.

Kolaborasi JPS bersama agensi lain yang masih aktif boleh dikategorikan kepada :

1) JPS dan Pusat Pengajian

- UNITEN
- Universiti Antarabangsa Nilai
- UTHM
- Universiti Teknologi Petronas (UTP)

2) JPS dan Agensi Luar

- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

3) JPS dan Luar Negara

- Kerajaan Thailand (Projek Pemuliharaan Muara Sungai Golok)
- Kerajaan People's Republic of China (Field of Water Resources) melalui NRE.

Logo-logo NGO yang bekerjasama dengan JPS :

 <p>MALAYSIA NATIONAL COMMITTEE FOR INTERNATIONAL HYDROLOGICAL PROGRAMME Sebuah badan yang mewakili Malaysia dalam semua program IHP-UNESCO Penglibatan JPS : Pengerusi oleh KP JPS</p>	 <p>INTERNATIONAL COMMISSION ON IRRIGATION & DRAINAGE MALAYSIA NATIONAL COMMITTEE ON IRRIGATION & DRAINAGE Penglibatan JPS : Naib Pengerusi</p>
 <p>GLOBAL WATER PARTNERSHIP Penglibatan JPS : Ahli Korporat</p>	 <p>ASEAN WORKING GROUP ON WATER RESOURCES DEVELOPMENT & MANAGEMENT (AWGWRM) Penglibatan JPS : Pengerusi</p>
 <p>INTER-ISLAMIC NETWORK ON WATER RESOURCES Penglibatan JPS : Focal Point urusan negara berkaitan Pengurusan Air</p>	 <p>D8 COUNTRIES Penglibatan JPS : Focal Point on Water Resources</p>
 <p>MALAYSIAN WATER PARTNERSHIP Penglibatan JPS : Ahli Korporat</p>	 <p>JOINT EVALUATION TEAM (JET) MALAYSIA – THAILAND Penglibatan JPS : Pengerusi Bersama</p>
 <p>RED R MALAYSIA REGISTER ENGINEERS FOR DISASTER RELIEF Penglibatan JPS : Penasihat oleh KP JPS</p>	 <p>UNESCO <ul style="list-style-type: none">• SWITCH-in-ASIA Urban Water Management• International Centre for Water Hazard and Risk Management (ICHARM-JAPAN)• Regional Centre on Urban Water Management (RCUWM-TEHRAN)• Asia Pacific Centre for Ecohydrology (APCE)</p>
 <p>MALAYSIA STORMWATER ORGANIZATION Penglibatan JPS : Pengerusi oleh KP JPS</p>	

SUDUT TERAPI MINDA

Cariakan 6 perkataan di dalam gambar ini (English)



Jawapan akan diberikan pada keluaran akan datang

Jawapan bagi bulan Mei 2017

SUDOKU

Level : Easy								
3	9	2	6	1	4	7	5	8
7	8	4	2	5	3	6	9	1
5	1	6	7	8	9	2	3	4
2	7	9	4	6	1	3	8	5
8	3	1	5	9	7	4	2	6
4	6	5	3	2	8	9	1	7
9	5	3	1	4	6	8	7	2
6	2	7	8	3	5	1	4	9
1	4	8	9	7	2	5	6	3


Jawapan

Level : Normal								
3	8	1	9	4	6	7	2	5
2	5	9	3	7	8	6	1	4
6	4	7	2	1	5	3	8	9
7	2	4	5	3	9	8	6	1
9	3	8	1	6	7	4	5	2
1	6	5	8	2	4	9	3	7
4	1	2	6	9	3	5	7	8
8	9	6	7	5	1	2	4	3
5	7	3	4	8	2	1	9	6

Jawapan

SILANG KATA

Q	T	E	B	A	T	A	N	B	A	N	J	I	R	F	E
A	W	R	E	Z	U	C	E	S	M	P	U	C	S	H	B
E	Q	Z	R	X	D	E	U	U	E	G	S	E	U	E	H
R	A	I	S	Y	A	L	A	M	A	M	T	T	N	G	S
E	M	X	T	C	I	R	B	B	C	I	A	Q	M	D	
M	N	C	B	V	H	X	I	E	T	D	K	N	C	E	S
P	B	A	Z	O	D	I	H	R	U	E	A	J	A	A	I
A	V	S	Y	B	S	B	E	A	B	F	N	U	R	R	S
N	C	K	U	G	A	O	S	I	R	V	W	N	H	T	T
G	P	E	L	A	N	S	T	R	A	T	E	G	I	K	E
A	X	U	I	G	E	I	G	E	J	C	M	E	R	U	M
N	Z	V	A	I	R	S	I	Q	K	S	A	D	A	C	A
T	A	B	O	S	W	W	Y	E	B	N	S	U	S	I	T
Y	S	N	P	U	A	A	E	O	C	H	O	T	E	N	I
U	S	B	A	W	A	N	A	H	I	T	A	L	W	H	K
I	D	M	L	I	D	Q	R	L	Y	F	N	A	O	E	M
O	F	A	K	A	Z	M	A	E	U	W	T	I	G	G	G
P	G	S	J	L	I	O	M	H	B	Q	X	L	Q	U	I
L	K	D	H	S	Q	V	B	D	M	U	I	O	O	T	L
H	J	F	G	O	H	I	D	R	O	L	O	G	I	E	U



GENG SARIP DOL KAMPUNG PISANG

Jemput makan ye...=)

Boleh tanya
recipe ckit???

Penat
aq masak..tak
dapat nak rase..

Senang je.

Mai sini kamera..
dah control abez
nie..



NEGARAKU

Negaraku Alam Sekitarku

Sumber Air Negara Menjamin Masa Hadapan



Pulau Tali Kail, Tasik Banding Perak